

## **KIT SIANG DAN DR MAHATHIR**

**Chedet.cc**

**29 March 2016**

**Tun Dr Mahathir Mohamad**

1. Saya diberitahu bahawa ramai ahli dan pemimpin bawahan UMNO marah kerana saya berada bersama Kit Siang dalam usaha menjatuhkan Dato Seri Najib.
2. Ya, ini memang pelik dan aneh. Kami adalah musuh ketat. Tetapi kami berdua mempunyai pendirian yang sama berkenaan penyingkiran Najib sebagai Perdana Menteri.
3. Sepatutnya penyingkiran ini dibuat oleh UMNO. Dalam pertandingan antara saya dengan Tengku Razaleigh ahli dan pemimpin UMNO secara terang boleh memihak kepada Tengku Razaleigh. Saya tidak menakutkan mereka, tidak membuang mereka dari jawatan atau parti. Yang Menteri terus jadi Menteri, demikian juga Ketua Bahagian dan perwakilan.
4. Tetapi hari ini kebanyakan ahli dan pemimpin UMNO sudah jadi bisu, pekak dan buta. Mereka tahu kesalahan Najib tetapi mereka sokong juga Najib. Walau apa pun kesalahan yang dilakukan oleh Najib mereka tetap sokong.
5. Mungkin kerana dedak yang disuap oleh Najib. Shahrir mengaku dia terima 1 juta dan Ahmad Maslan 2 juta ([laporan di sini](#)). Takkan yang lain tidak dapat habuan.
6. Kerana kepentingan diri dan tamak UMNO tidak akan menjatuhkan Najib. Kerana kepentingan diri, bangsa, negara dan agama juga sanggup dijual. Tidak ada ahli UMNO selain daripada beberapa Ketua Cawangan yang berani menentang Najib. Kalau nak harap UMNO jatuhkan Najib, tidak mungkin.
7. Ini bukan UMNO lagi. Janganlah berlagak sebagai ahli UMNO yang kononnya tidak sanggup melihat saya bersama Kit Siang. Yang tidak sayang UMNO ialah kamu sekalian, kamu yang membisu, kamu yang pekak dan buta kerana semua anggota ini sudah ditutup dengan dedak dan lain-lain.
8. Jangan soal saya. Soal diri sendiri. Apakah kamu berjuang untuk bangsa, agama dan tanahair apabila kamu melindungi perbuatan Najib menghilangkan duit rakyat dan sekarang menjual tanah yang dibeli dari Kerajaan berharga RM60/- satu kaki persegi dan dijual kepada Tabung Haji dengan harga RM3,500/- satu kaki persegi, mengenakan cukai G.S.T. keatas rakyat dan menghapuskan subsidi untuk bayar hutang 1MDB sebanyak 42 billion Ringgit, memiliki 2.6 billion Ringgit dalam akaun peribadi yang disembunyi daripada rakyat, kononnya untuk PRU 13 tetapi, kononnya belanja lebih dari 1 billion Ringgit untuk PRU 13 tetapi kemudian hantar balik kepada penderma 2.03 billion. Tak masuk akal 2.6 tolak 2.03 tinggal berapa? Dari mana datang 1 billion lebih yang kononnya dibelanja untuk PRU 13. Perbelanjaan yang begini banyak menyalahi undang-undang.
9. Najib memalukan negara kerana Malaysia sekarang dikenali sebagai 1 dari 10 negara yang mengamal rasuah terbesar. Najib sendiri dicemuh diseluruh dunia. Inilah pemimpin yang awak sokong dan pertahan. Ini adalah pengkhianatan terhadap UMNO, terhadap orang Melayu, terhadap negara.
10. Rakyat lebih benci melihat ahli UMNO yang menyokong Najib daripada ahli UMNO berada diatas pentas bersama Kit Siang untuk menjatuhkan Najib.

11. Kami tak makan dedak sesiapa.

21 thoughts on "KIT SIANG DAN DR MAHATHIR"

1.  [Log in to Reply frasmtf8](#) Mar 29, 2016 2:57 PM

Tun, Please can you also put the translated version in as so enjoy your views. Thank you.

2.  [Log in to Reply Sri Sense](#) Mar 29, 2016 2:41 PM

Tun

Idea Teresa Kok Seputih tu bagus. Ambil borang jumpa orang dan explain. Especially orang tua2 dan masyarakat pendalamam mereka ini kurang arif dengan internet. Rafizi yang rajin turun padang pun



bolih juga bawa borang bersama dalam setiap lawatan.

Dan semua yang ada laman website wajar letak link disitu. Golongan 40han 30han 20han depa pandai



internet so senang mereka isi online.

3.  [Log in to Reply Praxis](#) Mar 29, 2016 2:31 PM

Peace will come

With tranquillity and splendor on the wheels of fire  
But will bring us no reward when her false idols fall  
And cruel death surrenders with its pale ghost retreating  
Between the King and the Queen of Swords.

(Dylan, Changing of the Guards)

4.  [Log in to Reply Sri Sense](#) Mar 29, 2016 2:24 PM

Salam Tun

Isu menarik mereka kini batai Tun Dr Mahathir cukup2, so apa Tun M buat sure kena. Para penyokong



Tun M pun semua traitor. Alahai I tak dapat apa pun malah I hulur derma lagi.

I dapati cerita dalam media agak la memboringkan, tapi tentang security guard yang gaji 1,500 rgt, hantaran kahwin 15,000 rgt tu menarik. Tambah menarik bila 10,000 rgt dah kasi, tapi 5,000 rgt lagi tak cukup, groom kena pukul hinggakan saudara mara yang bertudung pun kena tarik



tudung.

I dan kawan2 fikir kalau security guard pun hantaran 15,000 rgt apatah lagi kalau groom itu Pegawai. I



nak suruh anak I kahwin girl mat salih la macam ini.



5. [Log in to Reply sibotak](#) Mar 29, 2016 2:00 PM

Yang Benar Najib Ketakutan  
Kuncu kuncu beliau pun Ketakutan  
Punca Menegakan Benang yg Basah

Lim Kit Siang , Malaysian ,Pembangkang  
Adalah Satu dari system Democratic Malaysia  
Lee Kuan Yew Menteri Asing menziarah Kelantan , Penang  
Mencerebohi Kedaulatan Malaysia  
Bertejuan Menumbangkan UMNO  
Satu wakil UMNO pun Takada Buah Bersuara

Ni lah Melayu  
Macamanalah Melayu Nak Maju  
Tun Mahathir cuba menegakan kebenaran macam macam tuduhan dilimpah  
Kalau dah Salah , mengaku sajalah  
Jangan nak berdalih , kita bolih faham  
Janganlah menegakan benang yg basah  
Kalau Benar bawa ke Mahkamah  
Nak gi Makamah Takut. Takut semua terburai

Nilah Melayu nampak bangsa asing , nampak Mat Salih  
Begini hormat , Yes Sir , No Sir , Thank you Sir  
Sama bangsa sendiri sampai nak bertegang urat

Sebagaimana saya tulis sebelum  
Nak cerita pendek bawa wakil jumpa Tun  
Fahamkan Tun akan Kebenaran  
Bersamalah Hold Tight the Rope of Allah

Ni nak menyombong tak tentu fasal  
Ke Mahkamahlah kesudahan nya

Sekarang punya Rakyat tak macam dulu Berok ...eh Bro  
Dulu bolihlah MakCik PakCik senang Kerajaan Goreng  
Zaman sekarang Mak Tiri takut sama Anak Tiri  
Dulu Anak murid nampak Che Gu Takut  
Sekarang Anak Murid tackle Che Gu bawa Keluar lagi

6.  [Log in to Reply](#) **Aisyah** Mar 29,2016 1:12 PM

"11. Kami tak makan dedak sesiapa."

Ini statement paling win.

7.  [Log in to Reply](#) **Ingat Akhirat** Mar 29,2016 12:33 PM

Tun,

There were many short-sighted people who get excited when you claim that you are a dictator. Quickly, they make it a point in the media stream to hit you back. They were actually a bunch of unwise professionals.

They couldn't put a square peg in a square hole!!

If you were a "dictator PM", what's worse than the present dictator.....? Answer: (George Bush + Tony Blair + Ariel Sharon) to the power of Marcos.

My advice to the present UMNO members.....The only way to make your dream come through is to WAKE UP !!!

Semoga Tun diberkati dan dirahmati Allah sentiasa....

8.  [Log in to Reply](#) **qipe\_eqqe** Mar 29,2016 12:30 PM

Assalamualaikum Ayahanda Tun,

Rakyat yg mengikuti perjuangan Tun faham sangat, cuma 'ahli2 umno' pemakan dedak & kunci2 serta kbw mereka yg sengaja 'spin' guna apa cara sekalipun untuk 'counter' apa yang Tun buat.

Kami ada bersama-sama Tun utk mensejahterakan Malaysia tercinta ini, In Sha Allah selagi hayat dikandung badan demi masa depan anak cucu kami.

Semoga Allah tetapkan kita di jalan yang lurus, Amin.

9.  [Log in to Reply](#) **mgpunya** [Mar 29,2016 12:29 PM](#)

YABhg Tun,

We are on the cross road....history will judge us and it will. Some of us will be amongst the braves but mostly cowards and plenty more as just plan bystanders...

10.  [Log in to Reply](#) **Zeck Masterpiece** [Mar 29,2016 12:11 PM](#)


Assalam...

Terimakasih Tun semoga Allah melindungi Tun dn sekeluarga.

Ahli2 UMNO skrg terlalu taksab dgn pemimpin skrg ni sebb mkn dedak terlalu byk....betul kata Tun semua mereka2 ini celik mata tp buta hati kerana apa, mereka terus menerus menyokong walaupun 1 dunia sudah tahu.

Semua yg mkn dedak sudah kaya..mana ada rasa kesusahan rakyat.  
Berjuang dan menyokong dgn membuta tuli.

Sekian...

11.  [Log in to Reply](#) **sudin** [Mar 29,2016 11:54 AM](#)

Assalam Tun.

Takut nak bayangkan keadaan di Malaysia walaupun untuk tempoh satu tahun lagi jika Najib & Rosnah masih menjadi ketua.

Harga ikan kembung yang hanya RM5.50 sekilo setahun lalu, dan kerap dijadikan makanan kucing peliharaan, kini dah capai RM18.00 sekilo!

Kangkong si Najib pun dah naik RM4.50 sekilo.

Malaysia akan jadi negeri Pak Pandir!

Tambahan AG pun punyai gelaran A...pandi...r dan nampak seolah2 bertindak hanya mengikut arahan Najib & Rosmah.


Di blog Tun M pun pakpandir08 dah mula bermaharaja lela tanpa pedulikan apa jua benenaran yang disampaikan walaupun berseorangan macam si A...pandi...r tu.

Hai Pak Pandir, ikan kembung yang sedang digoreng pun hebat ketawa dengan mulut ternganga luas kerana tahu nilai nya RM18!!!

12.  [Log in to Reply](#) **physician** [Mar 29,2016 11:50 AM](#)

When I said 4 cores and 13 behaviours which the leaders are nowadays missing, I meant they have:  
-> NO Integrity; BAD Intent; NO Capabilities; NO Results  
and they DO NOT:

-> talk straight, demonstrate respect, create transparency, right the wrongs, show loyalty, deliver results, get better, confront reality, clarify expectations, practice accountability, listen first, keep commitments, extend trust

13.  [Log in to Reply](#) **physician** [Mar 29,2016 11:44 AM](#)

Well said, Tun.

Maybe Tun did not read before a book which I read — "Speed of Trust", by Stephen M. R. Covey. But what Tun mentioned, all the points, are exactly what mentioned in the book within the 4 Core and 13 Behaviours.

Leaders especially politicians nowadays, some of them are totally missing the cores and behaviours.

14.  [Log in to Reply](#) **Fariq Islam** [Mar 29,2016 11:42 AM](#)

Assalamualaikum, Tun.

Secara telus dan tulus, Kit Siang bukannya seseorang ahli politik yang bersifat perkauman. Bagi anak-anak Melayu yang tidak berlatar-belakang politik, kami kadang-kala memandang beliau sebagai seorang tokoh politik yang mencintai tanahair.

Mungkin terdapat segelintir pemimpin UMNO yang tidak dapat menerima Kit Siang sebagai pesaing politik yang kuat dan memperklasifikasikan beliau "musuh".

Kami berpandangan bahawa PM harus mengambil tindakan mahkamah terhadap akhbar-akhbar asing yang telah memburuk-burukkan namanya dan Negara ini, untuk membersihkan nama diri dan mengembalikan imej bersih Negara!

15.  [Log in to Reply](#) **RD.** [Mar 29,2016 11:27 AM](#)

Saya bersama Tun.

"11. Kami tak makan dedak sesiapa."

Lebih lama Najib menjadi PM, lebih rosak nama-baik Negara, Bangsa dan Agama. Nampak-gayanya, bila seseorang itu terpalit dengan berbagai tuduhan dan dia tidak berani mempertahankan diri, dia akan mula mendekati diri dengan 'Agama' sebagai perisai untuk menepis tuduhan itu. Secara tidak langsung imej Agama akan tercemar dan diperlekeh oleh orang bukan-Islam.

Kadaan ini lebih-kurang sama dengan seorang tertuduh di Mahkamah. Sering kali kita lihat dikaca TV, mereka yang dituduh meliwat, merogol, merompak dan lain-lain, ketika dibawa kemahkamah

dalam keadaan bergari, selalunya memakai ketayap. Pada saya perbuatan memakai ketayap ketika bergari, diiringi Polis atau pengawal Penjara hanya akan memburukkan imej Islam. Sepatutnya, pihak berkuasa menyangong guni dikepala OKT, seperti yang kerap dilakukan di Hong Kong, untuk memelihara kesucian Agama.

Oleh yang demikian, sesiapa yang mengenakan 'pakaian-Islam' mesti sentiasa menjaga budi-perkerti bila di khalayak umum. Misalnya, seorang yang bertudung, jika dilihat membuang sampah merata-rata oleh seorang pelancong Jepun, sudah tentu Agama Islam yang pertama sekali dipandang hina.

Bayangkan seorang Pemimpin dituduh menyeleweng WANG Rakyat dan hakikat ini diketahui seluruh dunia. Sebagai Rakyat yang beragama Islam, saya malu mendapat orang begini sebagai PM.

16.  [Log in to Reply hexman](#) Mar 29, 2016 11:21 AM

Asalamualaikum ayahanda Tun, Semoga Tun suami isteri sihat dan diberkati. Saya setuju apa kata Tun tetapi nak tambah sikit. Amalan makan dedak ni sebenarnya bukan sekarang saja, tetapi semenjak saya menjadi ahli lagi. Bezanya dedak sekarang ini besar bertujuan untuk mencari paksaan sokong supaya yang makan dedak ini termakan budi serta terjaga body. Bezanya dulu, dedak diberi untuk khidmat mereka yang menaikan dan membantu memperjuangkan UMNO sebab menjadi ahli UMNO mcm saya manalah ada gaji bila kita berkhidmat untuk memertabatkan UMNO mengikut perjuangan. Kita memperjuangkan dasar UMNO untuk orang melayu yang mana mengikut prinsipnya SALAH TETAP SALAH dan YANG BENAR KITA TEGAKKAN. Jadi ahli UMNO sekalian, berfikiran waraslah kamu dimana kamu nak berdiri, sebab keputusan kamu menentukan bangsa dan juga anak cucu kamu dimasa depan. Jika tersalah pilih, maka kamu akan jadi sumpahan oleh anak cucu kamu sampai ke akhirat, Jika kamu pilih betul, maka sepanjang masa kamu diiringi doa ke syurga. Bagi yang pemakan-pemakan dedak yang disebutkan oleh Ayahanda Tun, Dunia ini hanya sementara dan pastikan dedak yang diterima itu akan dibawa kearah mana ya ? Fikirlah sebaiknya dan fikirkanlah sumpahan dan doa yang bakal diterima. Kalau rajin, tengok tengoklah berita dari dunia luar dan buatlah penilaian sendiri. Kita kan sudah dikategorikan sebagai melayu yang maju dan nak berjaya. Tetapi kalau perkara semudah ini tak dapat nak nilai, bayangkan anda menilaikan keluarga anda sendiri. Saya bukan lah pandai dalam politik, tetapi alhamdulillah dapat nak bezakan yang buruk dan yang baik dan juga yang salah dan yang benar. Wallahualam. Terima kasih Ayahanda Tun kerana memberi ruang.

17.  [Log in to Reply pakpandir08](#) Mar 29, 2016 10:40 AM

Tun yang dikasihi,

Tidak boleh salahkan mereka sekiranya mereka berpendapat sedemikian.

Dahulu Tun kerap kali mengecam Lim Kit Siang mengatakan begitu bahaya sekali DAP (banyak blog lama boleh dijumpai di sini) ... cauvanis, komunis, DAPIG, ejen yahudi, anti-Islam dan macam-macam lagi

Apabila terdapat kemelut politik dalaman, lagi kerap ilmu-ilmu menakut-nakutkan orang mengenai bahaya DAP dipermainkan ....

Lama-kelamaan, orang ramai akan mempunyai persepsi yang kuat tentang bahaya DAP yang dikatakan oleh Tun sendiri

Hari ini, Tun menghadapi cabaran yang agak sukar untuk mengatasi keadaan sebegini, kerana Tun kini bertukar dari posisi PEMANGSA kepada MANGSA atas ilmu-ilmu menakut-nakutkan ini yang Tun sebarkan dahulu

ada orang kata ini dipanggil senjata makan tuan?



18. [Log in to Reply wajaperak](#) [Mar 29,2016 10:39 AM](#)

Assallammualaikum Tun.

Saya mohon ruangan..

SYABAS TUN..HEBAT MACAM BIASA..

Tun cakap serupa bikin..You walk the talk.

Saya rasa ada yang akan dapat manfaat dari cerita=cerita benar di zaman najib ini.

Tun..kami sekarang sedang mengalami masalah kurang pemandu yang kronik.

Bila saya ajak ketua pemandu untuk berjumpa Dato' Pengarah maka hilanglah segala kata-kata 'berani' pendekar-pendekar ini..:))

Aku takut kena luku dengan Pengarah..

Itulah harganya perjuangan.

Muhammad s.a.w yang sempurna pun mesti naik ke gunung.

Orang kafir juga menggunakan ungkapan ini..

Even Muhammad s.a.w must go to the mountain.

Saya meringkaskan kepada semua pejuang jangan duduk di bangku sahaja.

Keyboard warrior.

**KALAU TAKUT DI MAMAH PEDANG..JANGAN..JANGAN BERGELAR PAHLAWAN!!!**



19. [Log in to Reply umranrc](#) [Mar 29,2016 10:22 AM](#)

Yes Tun, there is no issue at all to work with anyone or any entity for a greater cause.

Item 8 and 9 are confirmed facts. Hope others see this.

'Citizen Declaration' is what it is, a declaration which holds no political divide nor does it hold any political ideology. It is just simply implying the views of the general public towards what is going on today and the necessary action required.

Thank You Tun.

p/s in above post, I missed the word 'no' in the first sentence.

20.  [Log in to Reply](#) **umranrc** [Mar 29,2016 10:20 AM](#)

Yes Tun, there is issue at all to work with anyone or any entity for a greater cause.

Item 8 and 9 are confirmed facts. Hope others see this.

'Citizen Declaration' is what it is, a declaration which holds no political divide nor does it hold any political ideology. It is just simply implying the views of the general public towards what is going on today and the necessary action required.

Thank You Tun.

21.  [Log in to Reply](#) **professional malay** [Mar 29,2016 10:18 AM](#)

Salam Tun,

Sebab perempuan tu, ramai ahli2 UMNO jadi macam anak2 dajal dan semakin bongkak...so disgusting....

© 2016 — All Rights Reserved.

Source: <http://chedet.cc/?p=2024>